

08 SEP 1996

Anwar-Kenyataan (Bergambar)

ANWAR MINTA CALON HENTI BUAT KENYATAAN POLITIK

KUALA LUMPUR, 8 Sept (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengingatkan semua calon, terutama menteri, yang bertanding dalam pemilihan Umno supaya berhenti membuat sebarang kenyataan berbau politik sehingga Oktober ini selaras dengan arahan Majlis Tertinggi (MT) semalam.

"Mereka boleh buat kenyataan biasa yang berkaitan dengan urusan kerja mereka," kata Timbalan Presiden Umno itu kepada para pemberita selepas merasmikan Hari Keluarga/Jogathon Perbendaharaan '96 di pekarangan Kompleks Kerajaan Jalan Duta di sini pagi ini.

MT semalam mengambil keputusan memperketatkan lagi larangan berkempen menjelang pemilihan parti bulan depan, meliputi penyiaran dan penerbitan berita serta iklan tahniah yang menonjolkan calon-calon di media cetak dan elektronik.

Ditanya sekiranya masih ada calon bertanding mengeluarkan kenyataan, Anwar berkata sebagai sebuah parti yang bertanggungjawab, MT tidak akan terburu-buru mengambil tindakan kerana setiap dakwaan atau laporan akan diteliti secara terperinci terlebih dahulu.

"Ini penting kerana kita tidak menolak kemungkinan ada unsur-unsur fitnah di mana kesempatan itu dengan sengaja digunakan orang tertentu untuk menjatuhkan maruah pemimpin yang lain," katanya.

"Namun demikian jangan pula ada yang beranggapan kita kurang ambil tindakan. Kita akan teliti dan tengok dahulu," katanya.

Anwar berkata rancangan-ancangan kerajaan bagaimanapun mesti diteruskan, khususnya yang sudah ditetapkan dan dianggap penting serta sukar untuk ditangguh kerana ini sudah dipersetujui MT "cuma jangan ulang perkara-perkara dengan maksud untuk berkempen."

Menurut Anwar MT sudahpun memberi peringatan tentang perkara ini kepada semua calon.

Sebagai contoh, katanya, sewaktu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan Taman Kewangan Labuan baru-baru ini semua bank yang ingin mengucapkan tahniah diminta mendermakan peruntukan iklan mereka kepada persatuan-persatuan kebajikan seperti orang buta dan lain-lain.

"Saya fikir contoh yang dibuat atas arahan Bank Negara itu patut menjadi panduan kepada pihak lain di mana penghargaan tidak perlu dibuat secara besar-besaran," kata Anwar.

"Kalau seseorang masih berniat begitu, dia boleh pindahkan wangnya untuk derma kebajikan," katanya.

Bagaimanapun, tegas Anwar, jika mengikut arahan Dr Mahathir baru-baru ini, sememangnya tidak dibenarkan calon-calon membuat kenyataan politik atau iklan ucap tahniah di akhbar menjelang pemilihan parti.

Penggunaan wang agensi atau syarikat kerajaan untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada seseorang menteri atau mana-mana pemimpin adalah dilarang sama sekali.

"Kita tidak ada pengawasan atau berbuat sesuatu terhadap iklan yang diselenggarakan sepenuhnya oleh swasta," katanya.

"Kalau dah dilarang, tak payahlah buat ucapan tahniah," katanya.

Hadir sama ialah isterinya Datin Seri Dr Wan Azizah dan Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Affifuddin Omar.

Anwar dan keluarga mengunjungi semua gerai yang menjual pelbagai jenis juadah sebelum beliau dan isteri menunjukkan kecergasan menaiki "mountain bike" mengelilingi kawasan Perbendaharaan.

Anwar seterusnya mengayuh basikal itu untuk pulang ke rumahnya di
Damansara.
-- BERNAMA
ZAB RON